

# PEMBENTUKAN MINDA KELAS PERTAMA BERDASAR PERSPEKTIF PSIKOLOGI (KOGNITIF)

Dr. Ismail Alias

## ABSTRAK

*Minda merupakan psikik sistem dan proses yang unik dan dinamik di dalam otak manusia. Minda terbahagi kepada tiga fungsi iaitu minda fikir, minda perasaan dan minda kemahuan. Penjanaan minda bermaksud menggunakan intelektual dalam otak melalui berbagai teknik dan pendekatan untuk menghasilkan satu pilihan dan keputusan terbaik untuk semua. Penjanaan minda boleh membentuk minda kelas pertama iaitu mereka yang berfikiran agung, global dan total. Manusia minda kelas pertama berfikiran ke hadapan untuk mencapai visi yang ditetapkan. Manusia minda kelas pertengahan pula sedar keperluan cara berfikir dan melatih serta mengamalkan. Mereka cuba memperbaiki diri tetapi kurang berlatih. Manusia minda kelas ketiga adalah mereka yang tercabar pemikirannya disebabkan sesuatu. Minda mereka tidak reflektif sehingga mereka tidak menyedari masalah tentang cara mereka berfikir. Penjanaan minda sehingga membuat seseorang berminda kelas pertama akan menghasilkan beberapa tabiat minda yang boleh membantu menghasilkan tingkah laku yang boleh membantu diri sentiasa dinamik, kreatif, responsif dan kritis. Sebagai pekerja yang berminda kelas pertama sudah pastinya produk akhir bukan sahaja bernilai tambah, tetapi mampu menghasilkan nilai yang mempunyai perbezaan signifikan.*

## PENGENALAN

Dalam memperkatakan tentang minda kelas pertama, Y.A.B. Perdana Menteri ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke 9 telah memberi penekanan kepada usaha memupuk minda kelas pertama di kalangan masyarakat Malaysia. Masyarakat berminda kelas pertama merujuk kepada masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral. Selain itu, masyarakat berminda kelas pertama juga tahu menghayati dan menghargai budaya, kesenian dan warisan serta sejarah negara, bangsa dan agamanya.

Asas kepada usaha memupuk minda kelas pertama adalah berteraskan keupayaan meningkatkan ilmu pengetahuan seterusnya menggerakkan kreativiti dan inovasi mereka. Penguasaan ilmu dan pengetahuan yang tinggi akan melahirkan modal insan yang berminda kelas pertama berupaya membantu mempercepatkan lagi segala perancangan dan usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk memajukan negara dalam pelbagai bidang tanpa mengabaikan aspek kerohanian.

## ISTILAH MINDA

Sebenarnya apabila kita memperkatakan minda, kita mungkin berhadapan dengan banyak lagi istilah yang seakan sama atau serupa kefungsiannya dengan minda. Antara istilah yang sinonim dengan minda adalah otak, mental, akal dan fikiran.

Otak adalah merupakan satu organ yang letaknya di atas dan dalam tengkorak. Dibahagikan kepada dua iaitu otak kiri dan otak kanan dan tiga komponen otak (*Triune Brain*) iaitu Anomomik (*Reptilian Brain*), Limbik (*Mammalian Brain*) dan Korteks Serebrum (*Neocortex*). Otak mempunyai lebih satu ratus bilion neuron untuk melaksanakan berbagai-bagai fungsi. Kefungsian otak ini disokong oleh alat lain pada tubuh terutama telinga dan mata.

Mental pula lebih menerangkan kefungsi otak dalam soal menghasilkan satu daya fikir dan perasaan berasas kepada kerasionalan dan kestabilan untuk mengikuti logikal dan norma kehidupan. Dalam hal, ini aspek kesihatan mental banyak merujuk kepada kefungsi ini.


Fikir atau fikiran adalah merupakan salah satu fungsi utama yang dimainkan oleh otak untuk memberikan sesuatu makna, persepsi dan sikap terhadap sesuatu idea, keadaan atau objek sebelum membuat satu pilihan dan keputusan (pertimbangan) untuk bertindak. Istilah akal pula banyak merujuk kepada fungsi pemikiran ini.

Minda adalah diertikan sebagai daya fikir yang disubur dengan ilmu pengetahuan sehingga ia mampu menghasilkan satu pilihan dan keputusan bagi berbagai-bagai tujuan terutama menyelesaikan masalah. Mengikut *Dictionary Information*, minda merupakan intelek atau tahap rasional seseorang. Tahap untuk mendapat kefahaman terhadap idea, imaginasi, pilihan, keputusan, penaakulan dan keseimbangan.

## FUNGSI MINDA

Mengikut Paul dan Elder dan kebanyakan ahli psikologi, minda adalah merupakan psikik sistem dan proses yang unik dan dinamik di dalam otak manusia. Mereka membahagikan minda ini kepada tiga fungsi iaitu minda fikir, minda perasaan dan minda keinginan atau kemahuan seperti di dalam Rajah 1. Minda fikir terletak di neocortex (*Rational Brain*) manakala minda perasaan terletak di Limbik Sistem (*Emotion Mind*). Terdapat juga ahli psikologi membahagikan minda kepada minda sedar, minda separuh sedar dan minda di bawah sedar.

Fungsi berfikir dalam minda untuk mencari makna dan membuat andaian, penganalisan, paten, pilihan, penentuan dan keputusan yang logik dan munasabah. Manakala fungsi perasaan pula menyelia dan menilai makna yang dihasilkan oleh fikiran terhadap sesuatu idea atau peristiwa bagi menentukan ia positif atau negatif. Ini akan membuat seseorang itu beremosi marah, tenang, gembira, bahagia, kecewa, kemurungan dan sebagainya. Fungsi kehendak pula memberikan tenaga untuk membuat tindakan atau tidak membuat tindakan bergantung kepada pilihan dan keputusan yang dibuat hasil gandingan minda fikir dan minda perasaan atau salah satu daripadanya.



Rajah 1: Fungsi Utama Minda

Kuasa minda itu sangat kuat dan pelbagai tetapi ramai yang tidak menggunakan kekuatan minda mereka kerana mereka gagal menjana. Akhirnya minda mereka yang tidak dijana itu menjadi musuh kepada diri mereka sendiri dan mereka tidak dapat membangunkan sendiri dan kehidupannya. Sekiranya ini berlaku maka minda gagal menjana kualiti untuk mendapatkan kepuasan dan kejayaan diri. Selalunya ia disebabkan kekurangan minat, keinginan dan kehendak untuk lebih berpengetahuan dan berpengalaman. Ini samalah seperti yang dikatakan oleh pakar motivasi iaitu:

*"We are like monkeys, uninterested in what goes on, when we monkey around. If you start to pay attention to thinking, you become a truly exceptional monkey. You will be the rare monkey who knows what*

*monkeying around is all about. The rare monkey is skilled in assessing and improving monkeying.”*

Apabila kita membicarakan soal minda, sebenarnya kita membicarakan apa yang kita buat, apa yang kita fikir, apa yang kita rasa dan apa yang kita mahukan. Sekiranya minda kita mempunyai pemikiran yang tidak realistik, ini akan membawa kita berperasaan yang mengecewakan dan sebaliknya. Begitulah juga sekiranya minda kita berfikiran dan beremosi positif terhadap kerja yang dibuat maka kita yang akan mendapat suasana dan tingkah laku yang lebih menggembirakan. Dengan lain perkataan sehingga kualiti kehidupan kita juga sangat berkait dengan cara minda kita dijana.

### **LANGKAH MEMPERKASAKAN MINDA**

Untuk mempunyai minda kelas pertama, kita perlu 'menjana minda' terlebih dahulu. Penjanaan minda bermaksud menggunakan intelektual dalam otak atau minda melalui berbagai teknik dan pendekatan untuk menghasilkan satu pilihan dan keputusan terbaik bukan sahaja untuk diri, tetapi masyarakat, agama, dunia dan akhirat. Untuk membuatkan minda dijana, kita memerlukan pelbagai maklumat dan data sama ada berada di dalam minda fikir atau minda emosi untuk membantu dan menyokong proses pilihan dan pembuat keputusan. Proses penjanaan itu akan berlaku dalam psikik sistem iaitu di minda fikir atau minda emosi atau kedua-duanya sekali. Ini akan dirangsang oleh pancaindera lain terutama telinga dan mata.

Tahap penjanaan minda banyak bergantung kepada tahap bagaimana kita mengguna pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan pelbagai teknik dan pendekatan psikik yang kita ada. Sesetengah ahli sains biologi dan psikologi membahagikan fungsian proses otak mengikut kedudukannya seperti disarankan oleh Ned Herrmann, iaitu, otak kiri melakukan fungsi proses logikal, analitikal, data, fakta, kuantitatif, perancangan dan pengatur. Manakala otak kanan pula antara lain berfungsi untuk membuat intuitif, global, integrasi, interpersonal, emosi/perasaan dan kinestetik. Semakin banyak maklumat dan pengetahuan yang ada, semakin terbuka dan membesar ruang lingkup proses penjanaan minda kita dan sebaliknya. Maka sebab itulah hari ini keutamaan pengetahuan itu diutamakan sehinggalah dalam Islam Hadhari teras utamanya adalah memperkasa akal yang sangat berkait dengan ilmu dan pengetahuan.


Menjana minda bukanlah merupakan sesuatu yang berlaku secara automatik atau sengaja. Proses penjanaan minda memerlukan usaha dan latihan yang bersungguh-sungguh. Usaha menjana minda kerap berhadapan dengan kepayahan dan kejemuan. Ia juga bukan boleh dicapai dengan mudah dan cepat, ia akan melalui proses yang

berpanjangan seperti juga kita mencari kemahiran dalam sukan dan berbagai-bagai aktiviti lain. Dalam hal inilah ramai manusia akhirnya menjadi malas mencabar dirinya dan akhirnya mereka menjadi manusia yang statik dan sukar untuk berubah dan menghadapi cabaran. Oleh yang demikian, untuk meningkat tahap minda ke kelas pertama memerlukan perancangan dan program yang komprehensif dan mengambil kira pelbagai aspek pembelajaran, pembangunan, penilaian dan penyelidikan.

Penjanaan minda memerlukan gandingan minda fikir atau emosi dengan modal fizikal seperti telinga dan mata. Apabila kita memperkatakan soal modal insan, perkara yang pertama kita ingin beri perhatian adalah modal fizikal yang semua manusia ada iaitu otak, telinga dan mata. Minda akan mudah terjana sekiranya kita mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan yang didapati melalui hati, telinga dan mata. Semakin banyak kita mendengar, semakin banyak kita melihat, semakin banyak pengetahuan dan pengalaman kita. Ini semua akan meninggikan lagi tahap daya penjanaan minda kita dan sebaliknya.

Pada dasarnya, minda fikir akan memainkan peranan utama dalam menentukan kualiti dan kebenaran sesuatu pilihan dan keputusan yang dibuat. Kefungsian minda fikir akan lebih berkesan sekiranya banyak data atau pengetahuan yang dipunyai seseorang. Dalam hal inilah maka *K-worker* mempunyai kelebihan kerana penjanaan minda fikir akan lebih kompleks dan mendalam sehingga dapat memikirkan pelbagai sudut dan aspek sebelum sesuatu pilihan dan keputusan dibuat. Minda emosi juga mampu membuat keputusan namun, keputusan itu akan berdasarkan kepada persepsi yang telah dibentuk sekian lama yang kebenaran atau kesahihannya mungkin sudah berubah. Akibatnya keputusan berdasarkan minda emosi yang dibuat selalu lebih bersifat negatif atau tidak relevan. Dengan ini jelas minda emosi perlu disokong minda fikir untuk membuat sesuatu perubahan.

Pada masa yang sama, kehendak juga akan memainkan peranan dalam membuat pilihan dan keputusan. Kehendak ini selalunya dikuasai oleh orientasi minda egosentrik atau bukan egosentrik. Mereka yang mempunyai orientasi egosentrik selalunya akan membuat pilihan dan keputusan yang menyebelahi dirinya. Walaupun mereka mempunyai data dan pengetahuan yang tinggi, namun tidak membantu untuk melihat sesuatu idea, situasi atau benda secara rasional dan munasabah. Ini akan membuat mereka bersifat "bias" yang ingin pentingkan diri. Justeru itu, ada ketika seseorang yang berpengetahuan boleh membuat pilihan dan keputusan yang negatif akibat pengaruh egosentriknya. Mereka yang bukan berorientasi egosentrik lebih terbuka. Minda fikirnya lebih memikir kepentingan semua dan inilah kelompok yang mempunyai minda kelas pertama (Rajah 2).



**Rajah 2: Penentu Tahap Minda**

Rujukan: Richard Paul & Linda Elder (2001)

Terdapat sembilan elemen atau komponen intelektual dalam minda (otak) yang masing-masing mempunyai fungsi dalam membantu membuat pilihan dan keputusan. Setiap sesuatu yang difikirkan membuat intelektual ini berinteraksi dan berganding untuk menghasilkan satu pilihan dan keputusan terbaik untuk diri dan orang lain. Diriwayatkan daripada satu hadis bahawa Nabi Muhammad S.A.W. pernah bersabda mengatakan bahawa "manusia lelaki ada sembilan akal". Ini selari dengan kajian psikologi. Sembilan (9) intelektual ini sekiranya dilatih dan dijana sepenuhnya maka ia akan menjadi manusia yang berminda kelas pertama dan terbilang yang bukan sahaja dirinya tetapi semua.

Penggunaan keupayaan sembilan (9) intelektual minda ini sangat penting bagi menjadikan insan itu berminda kelas pertama. Dalam soal perkembangan ini ramai manusia bukan sahaja tidak menggunakan sepenuhnya intelektual mindanya tetapi juga tidak menerokai komponen tertentu disebabkan orientasi egosentrik yang dipegang dan sikapnya yang tidak mahu belajar.

## CIRI-CIRI MINDA KELAS PERTAMA

Jim Canterucci dalam bukunya '*Personal Brilliance*' menyatakan, manusia yang berminda kelas pertama ialah mereka yang sentiasa menjana mindanya melalui empat ciri utama, iaitu, kesedaran sendiri, ingin tahu (*curiosity*), fokus dan inisiatif. Empat ciri yang dikemukakan oleh Jim Canterucci ini juga akan mendorong dan merangsangkan kesembilan (9) intelek atau kecerdasan minda tadi untuk saling bekerjasama dalam melihat, menganalisis, menimbang, memilih dan keputusan ditunjukkan melalui tingkah laku.


Manusia yang selalu menjana minda adalah manusia yang mempunyai tahap kesedaran sendiri yang tinggi (*self awareness*). Dalam situasi sedar, manusia lebih sensitif dan responsif kepada persekitaran. Goleman dalam prinsip EQnya meletakkan kesedaran sebagai ciri utama kepada mereka yang mahir dalam mengurus emosinya. Manusia yang berkeadaan sedar mindanya sentiasa tahu dan menyedari apa yang berlaku dan apa yang perlu dilakukan sama ada untuk dirinya, orang lain dan persekitaran. Ini akan membuat dirinya sentiasa bersedia untuk sebarang keadaan dan ini juga bermakna ia seorang yang fleksibel dan mudah menyesuaikan diri dengan keadaan.

Sekiranya kita berinteraksi atau berhubung secara demikian, maka pelanggan kita bukan sahaja mendapat kepuasan tetapi juga mendapat banyak pelajaran yang dapat membangunkan diri mereka. Dengan lain perkataan, mereka yang banyak mendapat aduan adalah mereka yang kurang atau tidak sedar dengan persekitaran sehingga pelanggan terpaksa membuat sesuatu supaya mereka dikisahkan oleh penyedia perkhidmatan. Ini bermakna mereka yang mempunyai minda kelas pertama adalah mereka yang sentiasa sedar apa yang dilakukan, dilihat, didengar dan difikirkan. Dalam keadaan ini semua maklumat dan fakta mencukupi untuk dirinya membuat pilihan dan keputusan yang terbaik.

Sikap ingin tahu ini merupakan tanda mereka yang berminda kelas pertama. Mereka yang bersifat ingin tahu tidak puas mencari jawapan terhadap sesuatu berlaku kepada diri atau persekitaran. Apabila seseorang itu telah mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi, maka akan lebih banyak pengetahuan dicari bagi menjawab soalan itu. Dalam hal ini, mereka inilah manusia yang selalu membuat soalan yang kreatif dengan menanyakan "apa sekira (*what if*)". Sifat ingin tahu adalah juga teras kepada tingkah laku penyayang. Sifat ini sangat penting bagi menggerak minda fikir dan minda emosi supaya membuat keputusan terbaik. Ini kerana dengan sikap ingin tahu kita akan bukan sahaja mengambil berat tentang orang lain tetapi boleh menjangkakan apa yang mereka mahu dan perlukan. Ini akan membuat tingkah laku menarik dan diterima.

Sifat fokus terhadap sesuatu isu, perkara dan keadaan juga sangat penting untuk menjana minda dalam membuat satu tanggapan resolusi terhadap sesuatu isu. Ini bukan sahaja akan dapat membantu ia memahami sesuatu keadaan dan masalah tetapi ia juga mungkin dapat berbagai pendekatan dan cara untuk kebaikan dirinya dan juga masyarakat. Sifat fokus ini banyak memerlukan masa dan penjanaan minda. Ini bermakna semakin banyak fokus dibuat semakin banyak pengetahuan dapat dikumpulkan untuk tujuan penyelesaian masalah. Ia juga akan membuat kita menjadi lebih bersungguh-sungguh dan dapat menghasilkan satu minda yang dinamik dan rasional.

Akhirnya dengan tiga sifat di atas dapat mencetus daya inisiatif untuk melaksanakan sesuatu keputusan yang terbaik yang telah difikirkan. Melalui proses ini, minda dapat dijana dan minda mampu menghasilkan suatu produk yang sangat berkualiti. Empat ciri utama tadi adalah penting untuk menjana sembilan intelektual minda yang membantu minda fikir dan minda emosi untuk membuat pilihan (Rajah 3).



**Rajah 3: Cabang-Cabang Intelektual Dalam Minda**

Rujukan : Richard Paul & Linda Elder (2001)



### **Intelektual Keterbukaan/Kesedaran (*Intellectual Fair Mindedness*)**

Intelektual Keterbukaan atau Kesedaran merupakan keupayaan pertama di mana seseorang itu mula menerima idea, kenyataan, situasi secara terbuka tanpa prejudis, syak dan bias. Positif terhadap sesuatu yang akan mendatangkan faedah. Seseorang itu sedar akan apa yang difikirkan semasa menghadapi masalah-masalah yang dihadapi. Ia juga mengetahui tahap pengetahuan dan ilmu yang dimiliki tidaklah seluas yang disangka. Ketiadaan intelektual ini boleh membuat seseorang menjadi tertutup penjiwaan mindanya kerana terhalang oleh ciri negatif yang tidak berkompromi dengan idea orang lain. Akhirnya, individu ini akan terus dalam kekalutan.

### **Intelektual Rendah Diri (*Intellectual Humility*)**

Intelektual Rendah Diri merupakan keupayaan mempunyai kesedaran terhadap batasan pengetahuan seseorang, termasuk sensitiviti kepada sebarang keadaan di mana ego seseorang telah mengaburi pemikirannya. Ia adalah mengenai keupayaan minda kita. Intelektual rendah diri penting untuk menjana minda supaya berfikir ke hadapan, membantu kita menjadi pemikir yang saksama, sedar akan kejahilan kita. Akhirnya, membuat kita tahu tentang sifat berat sebelah, kepercayaan yang tidak benar dan tabiat kita menyusahkan hidup kita dan orang lain.

Sekiranya seseorang itu tidak menggunakan intelektual rendah diri ini ia akan hanya mempunyai intelektual yang berlawanan, iaitu, intelektual sombong. Mereka yang berintelektual sombong akan kurang kesedaran terhadap batas-batas ilmu yang ada pada dirinya dan menjadi mangsa terhadap sikap mereka sendiri yang tidak adil dan berat sebelah. Akhirnya, mereka tidak mahu mengakui bahawa ada banyak perkara yang mereka sebenarnya tidak tahu.

### **Intelektual Keberanian (*Intellectual Courage*)**

Intelektual Keberanian adalah keupayaan mempunyai kesedaran kepada keperluan untuk menghadapi dengan adil terhadap sesuatu idea, kepercayaan dan pandangan sendiri dan orang lain. Ia bermaksud berupaya menyokong sesetengah pendapat yang dianggap bahaya atau pelik oleh masyarakat walhal sebenarnya tidak benar. Ini akan menghindarkan rasa takut ditolak oleh orang lain kerana mereka memegang pendapat berbeza.

Jika kita ketiadaan intelektual keberanian kita menjadi takut untuk memberi tahu pendirian sebenar kita dan boleh membuatkan kita menjadi pak turut yang tidak berpendirian.

### **Intelektual Empati (*Intellectual Empathy*)**

Intelektual Empati adalah kemampuan berimajinasi dan meletakkan diri di dalam tempat orang lain dengan memahami mereka. Intelektual Empati adalah kemampuan secara tepat membentuk semula pandangan dan sebab orang lain berpendapat dan bertingkah laku sedemikian. Sekiranya kita tidak menjana intelektual ini kita akan berfikir mementingkan diri sendiri, tidak dapat memahami perasaan, emosi dan fikiran orang lain. Ini akan membuatkan cara kita membuat perhubungan dengan manusia lain mendatangkan masalah.

### **Intelektual Integriti (*Intellectual Integrity*)**

Intelektual Integriti adalah kemampuan memahami keperluan untuk jujur kepada cara pemikiran seseorang dan melihat diri sendiri di dalam standard yang sama seperti yang diharapkan oleh orang lain. Ia juga bermaksud untuk secara jujur mengakui sebarang percanggahan dan ketidak konsistenan di dalam fikiran dan perlakuan kita dan pada masa yang sama turut dapat mengenal pasti percanggahan dan ketidak konsistenan itu. Sebaliknya, mereka yang tidak menggunakan intelektual ini akan menjadi hipokrit keadaan di mana minda mereka tidak mengambil peduli tentang norma, nilai dan budaya yang ada kerana mementingkan diri sendiri.

### **Intelektual Keteguhan (*Intellectual Perseverance*)**

Intelektual Keteguhan merupakan kemampuan seseorang itu berusaha mengikut jalan kompleks walaupun perasaan kecewa dirasai semasa menghadapinya. Mereka berketahanan yang kental terhadap prinsip-prinsip yang rasional walaupun mendapat bantahan daripada orang lain. Mereka juga akan terus berusaha untuk menyelesaikan sebarang keraguan walaupun mengambil jangka masa yang panjang. Sebaliknya, ketiadaan intelektual ini akan membawa kepada seseorang itu mudah rasa putus asa.

### **Intelektual Keyakinan (*Intellectual Confidence*)**

Intelektual Keyakinan membuat seseorang berupaya percayakan dirinya dan orang lain. Kesimpulan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kepercayaan bahawa manusia mampu berfikir untuk diri sendiri, membentuk pandangan yang mendalam, menghasilkan kesimpulan yang boleh diterima, berfikir secara rasional, berfikir secara terang, tepat, relevan dan logik. Ini diterjemahkan dengan jelas dengan bukti yang kukuh. Ini akan mewujudkan seseorang yang boleh berfikir secara waras walaupun dihujani dengan kesukaran-kesukaran di dalam kehidupan. Sekiranya

ketiadaan intelektual ini berlaku, adalah dijangka manusia akan lebih banyak meniru dan takut akan segala bentuk perubahan.

### **Intelektual Autonomi (*Intellectual Autonomy*)**


Intelektual Autonomi membuat kita bermotivasi dalaman yang berdasarkan kepada pemikiran sendiri yang ideal, dengan mempunyai pegangan yang kukuh terhadap kepercayaan, nilai dan cara pemikiran sendiri. Mereka ini tidak bergantung kepada orang lain tentang cara mereka berfikir. Ketiadaan Intelektual Autonomi boleh membuat kita terlalu bergantung kepada seseorang dan sukar untuk berubah.

### **Intelektual Keadilan (*Intellectual Sense of Justice*)**

Maksud Intelektual pemikir yang adil ialah mengambil kira segala pandangan dengan adil dan saksama. Selalunya kita lebih cenderung kepada pendapat yang ada persamaan dengan kita. Kita selalunya tidak memberi keutamaan kepada pandangan yang berbeza dengan kita, terutamanya apabila kita mempunyai kepentingan tertentu di dalam sesuatu isu. Ketiadaan Intelektual Keadilan akan membuat kita akan mempunyai intelektual ketidaksamaan. Ini akan membawa kepada kegagalan memikir untuk mengambil sebarang tanggungjawab dan memikirkan pandangan ataupun cara berfikir orang lain yang berbeza dengannya. Untuk mempunyai pemikiran yang saksama ia memerlukan rasa rendah diri, berani, empati, berintegriti, sabar dan berkeyakinan. Ini merupakan cabaran besar kepada penjanaan minda.

## **PENGGELASAN MINDA BERDASAR PERSPEKTIF PEMIKIRAN**

Sekiranya seseorang manusia itu mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk melaksanakan empat ciri manusia bijak dengan menggunakan sembilan intelektual dalam mindanya serta didasarkan kepada orientasi bukan egosentrik, maka satu penjanaan minda kelas pertama akan berlaku. Walau bagaimanapun proses penjanaan minda tidak akan berlaku secara spontan dan automatik. Ia memerlukan latihan dan kemahiran. Secara konseptual terdapat beberapa kelas minda yang dibahagikan mengikut cirinya seperti yang dinyatakan di Rajah 4 berdasarkan pandangan Richard Paul dan Linda Elder (2001).



**Rajah 4: Kelas Minda Berdasarkan Ciri**

#### **Minda Kelas Pertama**

Mereka yang berfikiran agung, global dan total. Mereka adalah manusia yang berfikiran ke hadapan untuk mencapai visi yang ditetapkan. Secara ringkas ciri minda fikir kelas pertama adalah:

- Mereka memahami peranan penting berfikir dalam meningkatkan kualiti hidup mereka.
- Kefahaman tentang hubungan yang dalam antara pemikiran, perasaan dan kehendak.
- Pengawasan yang selalu diadakan terhadap pemikiran, perasaan dan kehendak.
- Mereka menggunakan pelbagai strategi yang efektif.
- Mereka mengkritik sendiri perancangan mereka bagi tujuan penambahbaikan.
- Mereka komited terhadap integriti intelektual.
- Mereka sensitif terhadap ketidak konsistenan dan percanggahan dalam hidup.
- Mereka yang empati intelektual untuk merasa apa yang orang lain rasa.
- Mereka hebat menguasai asas-asas pemikiran, jadi pemikiran kritikal bagi mereka adalah dalam bentuk sedar dan dengan menggunakan gerak hati.
- Melalui pengalaman dan latihan di dalam membuat penilaian diri, pemikir hebat bukan sahaja secara aktif menganalisis pemikiran mereka dari segenap segi, tetapi pada masa yang sama membina kesedaran baru terhadap masalah mereka.

- Mereka sangat komited terhadap pemikiran secara saksama dan mempunyai kawalan yang tinggi walaupun bukan sempurna terhadap sifat ego mereka.
- Mereka bukan sahaja terlibat secara aktif dalam pemikiran mereka dari segi konsep, andaian, dan implikasi namun pada masa yang sama memperbaiki cara pengamalannya.
- Mereka mempunyai tahap pengetahuan dan praktikal yang tinggi.
- Mereka menggunakan gerak hati untuk menilai pemikiran mereka bagi mendapatkan ketepatan, relevan, logik dan semua standard yang dimahukan.
- Mereka menggunakan pemikiran kritikal sebagai cara mereka berfikir.

### **Minda Kelas Pertengahan**

Mereka yang sedar keperluan cara berfikir dan melatih serta mengamalkan. Mereka cuba memperbaiki diri tetapi tanpa latihan yang kerap. Antara ciri-ciri minda fikir kelas pertengahan adalah:

- Mereka yang mula bersedia untuk mengambil cabaran untuk berubah dan berkembang, mereka telah masuk dalam peringkat yang dipanggil pemikir baru.
- Pada peringkat ini, mereka akan mula berfikir secara serius.
- Kesedaran diri mula lahir dan terbitlah keupayaan sendiri.
- Mereka mula mengatasi segala masalah yang dihadapi dan memahami pemikiran mereka yang ego telah menjejaskan cara mereka berfikir.
- Nilai-nilai mereka juga akan mula berubah.
- Mereka mula mengesan nilai-nilai yang tidak baik itu dan menggantikannya dengan nilai-nilai yang boleh diterima.
- Mereka juga sering terpengaruh dari segi sosiologi, ideologi, politik, ekonomi dan lain-lain yang membentuk pemikiran-pemikiran yang tidak rasional.
- Pemikiran yang baik boleh dilatih.
- Manusia selalu terbantut apabila memikirkan masalah-masalah yang bakal dihadapi apabila melaksanakan perubahan ini.
- Keputusan tentang cara yang dipilih haruslah boleh dilaksanakan dan di dalam kemampuan diri sendiri.
- Mereka mula bersedia dengan kegagalan dan menganggapnya hanya bersifat sementara.

### **Minda Kelas Ketiga**

Mereka yang tercabar pemikirannya disebabkan sesuatu.

Minda mereka tidak reflektif sehingga mereka tidak menyadari masalah tentang cara mereka berfikir. Walaupun begitu, ada kalanya mereka tercabar apabila menghadapi masalah dan rintangan. Antara ciri-ciri mereka yang mempunyai minda fikir kelas ketiga adalah:

- Mereka tidak menyadari peranan berfikir dalam kehidupan.
- Mereka tidak tahu menganalisis dan menilai cara mereka berfikir.
- Mereka menghadapi banyak masalah kerana menganggap kepercayaan dan keputusan mereka sahaja yang benar.
- Pemikiran mereka yang ego ini memainkan peranan penting dalam menentukan cara mereka berfikir namun mereka tidak menyedarinya kerana mereka tidak mempunyai kemahiran dan motivasi untuk mengubahnya.
- Mereka tidak boleh menyelesaikan masalah yang mereka sendiri tidak menyedarinya.
- Mereka juga mula menyadari kesukaran untuk memperbaiki cara mereka berfikir kerana ia turut mengubah rutin hidupnya.
- Pada peringkat perubahan ini, mereka menghampiri bahaya kepada penipuan dalam diri sendiri, iaitu, menolak bahawa masalah timbul akibat cara berfikir mereka sendiri.
- Sedikit demi sedikit mereka mula bersedia untuk mengambil cabaran untuk berubah dan berkembang, mereka telah masuk dalam peringkat yang dipanggil pemikir baru.
- Mereka mula berfikir secara serius.
- Kesedaran diri mula lahir dan terbitlah keupayaan sendiri.
- Mereka mula menyadari segala sifat masalah yang dihadapi dan memahami pemikiran mereka yang ego telah menjejaskan cara berfikir.
- Nilai-nilai mereka juga akan mula berubah.
- Mereka mula mengesan nilai-nilai yang tidak baik itu dan menggantikannya dengan nilai-nilai yang boleh diterima.
- Mereka mula bersedia dengan kegagalan dan menganggapnya hanya bersifat sementara.

## HASIL PENJANAAN MINDA KELAS PERTAMA

Penjanaan minda sehingga membuat seseorang berminda kelas pertama akan menghasilkan beberapa "habit" atau tabiat minda yang boleh membantu menghasilkan tingkah laku yang boleh membantu diri kita sentiasa dinamik, kreatif, responsif dan kritis. Sebagai pekerja yang berminda kelas pertama sudah pastinya bukan sahaja menghasilkan output yang cemerlang tetapi ke tahap terbilang yang menjadikannya bukan sahaja bernilai tambah, tetapi mampu menghasilkan nilai dan membuat perbezaan signifikan. Enam belas (16) tabiat hasil daripada penjanaan minda yang boleh membawa seseorang berfikir, beremosi dan bertingkah laku kelas pertama yang tidak mementingkan diri tetapi mengambil kira semua perkara persekitaran, iaitu, manusia lain, situasi dan keperluan semasa. Tabiat yang boleh terhasil daripada penjanaan minda tersebut adalah:

- Tabiat Keteguhan dan Ketekunan - Mereka yang berjaya menyelesaikan tugas mereka sehingga selesai. Mereka mempunyai cara yang strategik untuk menganalisis masalah yang meliputi bagaimana untuk memulakan menyelesaikan masalah itu, mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil dan data yang perlu dikumpulkan dan diperolehi. Ini akan dapat memperlihatkan kesungguhan kita menolong pelanggan secepat dan semudah mungkin.
- Tabiat Menguruskan Dorongan Intuitif - Mereka yang merupakan penyelesaian masalah yang terbaik berfikir dahulu sebelum bertindak. Mereka membentuk visi, pelan tindakan, matlamat ataupun destinasi produk sebelum mereka melaksanakannya. Mereka dapat membaca dan membuat jangkaan tepat untuk membantu pelanggan. Akhirnya pelanggan rasa terhormat kerana orang tahu apa yang dimahukannya.
- Tabiat Mendengar Dengan Empati - Mereka yang efektif menggunakan masa dan tenaga untuk mendengar. Ahli-ahli psikologi percaya bahawa kebolehan mendengar secara empati dan memahami pandangan pelanggan yang didengar merupakan ciri-ciri mereka yang bijak. Dengan cara ini kesantunan dan kebudiman dapat dipamerkan dan ini akan membuatkan suasana lebih mesra pelanggan.
- Tabiat Mudah Suai (fleksibel) - Orang yang fleksibel adalah mereka yang memiliki kawalan diri yang paling baik. Mereka mempunyai kapasiti untuk mengubah minda mereka sebaik sahaja mereka menerima maklumat baru. Mereka terlibat di dalam aktiviti yang dijalankan secara pelbagai dan serentak

dengan mengetahui cara bertindak yang tepat mengikut pelbagai keadaan. Situasi ini akan membuat kita membuat keputusan terbaik yang dapat difahami dan diterima pelanggan. Ini akan menjadikan proses kerja lebih telus dan adil.

- Tabiat Berfikir Tentang Cara Kita Berfikir (*metacognition*) - *Metacognition* adalah kebolehan kita untuk mengetahui apa yang kita tahu dan apa yang kita tidak tahu. Mungkin komponen utama metacognition adalah membina pelan tindakan, menyimpannya di dalam minda untuk satu jangka waktu dan menilai kembali tindakan itu untuk memastikan kita mencapai keputusan yang diinginkan.
- Tabiat Mencari Ketepatan - Mereka yang menghargai ketepatan dan kemahiran mengambil masa untuk memeriksa kembali produk mereka. Ini dapat mengekal dan meningkatkan kualiti perkhidmatan untuk masa hadapan dan seterusnya. Dalam hal ini pelanggan merasa kita selalu bersama mereka dan memahami mereka.
- Tabiat Bertanya - Penyelesai masalah yang efektif mengetahui cara untuk bertanya soalan untuk memenuhi jurang di antara apa yang mereka tahu dan apa yang mereka tidak tahu. Mereka bertanya soalan yang mencakupi pelbagai segi. Dalam hal ini, apa yang kita tanya kepada pelanggan adalah yang relevan dan membantu pelanggan dan kita memenuhi kehendak pelanggan. Cara bertanya yang betul dan tepat akan membuat pelanggan rasa terhormat dan diutamakan.
- Tabiat Yang Baik Jadi Tauladan dan Sebaliknya - Mengguna peristiwa yang lepas kepada situasi baru - mereka yang bijak belajar daripada kesilapan. Mereka menerangkan apa yang mereka lakukan sekarang melalui analogi ataupun rujukan daripada pengalaman lepas. Mereka menggunakan segala pengetahuan dan pengalaman sebagai sumber maklumat untuk menyokong atau menerangkan teori atau memproses cabaran-cabaran baru. Selaras dengan amalan kualiti yang sentiasa memberikan pengetahuan terbaru melalui kursus dan latihan. Melalui tabiat ini banyak pengetahuan baru yang didapati diaplikasikan demi kebaikan semua. Pendekatan dan cara baru boleh membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan dan khidmat kepada pelanggan.
- Tabiat Berfikir dan Berkomunikasi Dengan Tepat - Mereka yang bijak berkomunikasi secara lisan atau bukan lisan dengan menggunakan perkataan, terma, nama, label dan analogi yang tepat. Ini akan menghasilkan



perhubungan yang saling faham memahami dan hormat menghormati. Perhubungan ini bukan sahaja membuat hubungan baik antara kita dan pelanggan malah boleh dijadikan platform kerjasama dalam berbagai-bagai hal.

- Tabiat Mengumpul Data Melalui Semua Pancaindera - Mereka yang bijak memahami bahawa semua maklumat yang sampai ke otak harus melalui ruang-ruang yang berbeza. Ruang-ruang yang terbuka dan peka akan menyerap lebih banyak maklumat dari persekitaran daripada ruang-ruang yang tidak peka.
- Tabiat Mencipta, Berimajinasi dan Berinovasi - Mereka yang kreatif cuba untuk menyelesaikan masalah secara berbeza dan menganalisis kemungkinan bagi penyelesaian daripada pelbagai segi. Mereka dipengaruhi oleh motivasi dalaman bukan motivasi luaran, terbuka dengan kritikan dan berusaha ke arah mutu kerja yang lebih baik. Kualiti sebegini pasti akan dapat mencipta nilai baru yang bukan sahaja memudahkan pelanggan tetapi juga dapat membangunkan diri dan orang lain.
- Tabiat Berperasaan dan Bertindak Dengan Keseronokan dan Kegembiraan - Mereka yang kreatif adalah mereka yang mempunyai keghairahan dalam tindakan mereka. Mereka bukan sahaja mempunyai sikap "saya boleh" tapi "saya suka" melakukannya. Sikap dan tabiat ini sangat diperlukan untuk melayan pelanggan. Seperti mana yang disarankan oleh Y. Bhg. Tan Sri Ismail Adam agar semua pekerja menaruh minat dan suka terhadap kerja yang dilaksanakan. Dalam hal ini, tabiat minda yang dijana mampu melahirkan pekerja yang seronok dengan kerjanya dan seronok melayan pelanggannya.
- Tabiat Mengambil Risiko Yang Berpatutan - Mereka yang fleksibel mempunyai kemahuan untuk pergi lebih jauh. Mereka tidak suka berdiam diri tetapi suka terlibat di dalam perkara yang kesudahannya tidak diketahui. Namun, mereka bukan bertindak mengikut perasaan tetapi risiko yang mereka ambil adalah berpatutan. Risiko yang diambil adalah setelah menganalisis pengalaman lalu dengan mengambil kira segala akibat yang bakal dihadapi dan perkara-perkara lain yang patut diberi perhatian.
- Tabiat Berjenaka - Mereka yang menghargai jenaka mempunyai kebolehan untuk menginterpretasikan sesuatu situasi melalui pendekatan yang berbeza. Mereka kerap menggunakan jenaka dan menghargai jenaka orang lain. Mereka boleh ketawa bersama dan tidak marah apabila ditertawakan.

- Berfikir Kelompok - Mereka yang suka bekerja secara berkumpulan adalah lebih berjaya dan lebih baik dari segi intelek atau fizikal.
- Belajar Secara Berterusan - Mereka yang bijak sentiasa mengamalkan pembelajaran secara berterusan. Mereka selalu memperbaiki diri, selalu ingin mengembangkan diri, sentiasa belajar dan selalu melakukan perubahan. Mereka melihat masalah, situasi, ketegangan dan konflik sebagai peluang untuk meningkatkan diri.

Melalui penjanaan minda yang menghasilkan tabiat positif maka ianya akan menghasilkan tingkah laku kelas pertama. Tingkah laku kelas pertama yang dihayati dan diamalkan akan menjadi satu budaya kelas pertama yang mempunyai nilai atau tahap tamadun yang tinggi. Modal insan yang mampu menempah nama untuk organisasinya adalah modal insan yang dapat menjana mindanya dan menghasilkan tabiat atau tingkah laku yang menguntungkan. Tabiat yang diwujudkan akan menjadi satu disiplin mental. Disiplin mental yang terjana dapat membuat pilihan dan keputusan terbaik kerana apabila mereka dihadapkan dengan situasi yang bermasalah, mereka boleh menggunakan disiplin mental (tabiat minda) untuk bertanya kepada dirinya "Apakah perkara paling bijak yang saya boleh lakukan sekarang?".

Seorang individu berkualiti perlu mempunyai daya fikir global sejajar dengan pembangunan tamadun manusia, pemikiran yang mementingkan kemajuan dan pembangunan diri dan organisasi secara keseluruhannya. Untuk itu, insan berminda kelas pertama adalah insan yang sentiasa berfikiran positif, berpandangan jauh, kreatif dan inovatif. Apabila insan berminda kelas pertama dapat dilahirkan hasil dari penjanaan minda, maka hasilnya dapat dilihat melalui tingkah laku seseorang itu terutama semasa berinteraksi dengan orang lain.

## **PENUTUP**

Rumusannya, semua manusia mempunyai minda yang boleh dijana untuk menjadikan mereka itu manusia yang berbudaya prestasi tinggi. Ini semua bergantung kepada sejauh mana mindanya dijana bagi menentukan hala tuju kehidupan masa kini dan akan datang. Penjanaan minda memerlukan satu proses pembelajaran yang berterusan melalui latihan formal dan tidak formal. Justeru itu, untuk membangunkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama, program dan perancangan yang sistematik diperlukan. Semua pihak perlu menyediakan program dan perancangan pembangunan minda di semua peringkat masyarakat.

## RUJUKAN

Paul R., & Elder L. (2001). *Critical Thinking. Tools for Taking Charge of Your Learning and Your Life*. New Jersey: Upper Saddle River.

Merlevede, P. E., Bridoux D. & Vandamme R. (1997, 1999, 2001, 2003). *7 Steps to Emotional Intelligence*. USA: Crown House.

Caruso D.R., & Salovey P. (2004). *The Emotionally Intelligent Manager. How to Develop and Use the Four Key Emotional Skills of Leadership*. San Francisco: Jossey Bass.

Albrecht K. (2003). *The Power of Minds at Work. Organizational Intelligence in Action*. New York: Amacom.

Nelson D.B., & Low G.R. (2003). *Emotional Intelligence. Achieving Academic and Career Excellence*. New Jersey: Upper Saddle River.

Mangieri J.N., & Block C. C (2004). *Power Thinking. How the Way You Think Can Change the Way You Lead*. San Francisco: Jossey Bass.

Canterucci J. (2005). *Personal Brilliance. Mastering the Everyday Habits that Create a Lifetime of Success*. New York: Amacom.

Maxwell J.C. (1993). *The Winning Attitude*. USA: Thomas Nelson.